

**Semua SAR disuntik dana - TPM
Utusan Online
23 April, 2013**

KUALA LUMPUR 22 April - Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengumumkan hasrat untuk memberi suntikan dana kepada kesemua sekolah agama rakyat (SAR) di seluruh negara yang menggunakan kurikulum Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mana-mana SAR yang memenuhi kriteria tersebut akan dikategorikan sebagai sekolah agama swasta yang layak menerima bantuan kerajaan.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran memberitahu, suntikan dana itu adalah untuk mengiktiraf sumbangan besar SAR dalam memperkasakan pendidikan Islam peringkat rendah dan menengah di negara ini.

"Saya telah berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tentang cadangan ini. Kami berpandangan SAR harus diberi bantuan dan sokongan.

"Insya-Allah, kita akan lakukan di seluruh negara. Tak perlu nak tanya siapa yang memulakan sekolah itu, yang penting asasnya mengajar pendidikan agama," katanya ketika berucap dalam Majlis Perjumpaan Bersama Pegawai-pegawai Masjid dan Surau, Ahli Jawatankuasa Kariah, Pendakwah dan Pendidik Wilayah Persekutuan di Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha; Imam Masjid al-Nabawi, Sheikh Solah Muhammad Al-Budair, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Che Mat Che Ali dan calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Wangsa Maju, Datuk Dr. Mohd. Shafei Abdullah.

Pada majlis tersebut, Muhyiddin turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Masjid Peringkat Wilayah Persekutuan kepada Imam Surau An-Nur Tama Koperasi Polis Fasa II, Osman Hassan (Imam Terbaik); Bilal Masjid Al Imam As-Shafie, Abd. Rashid Abdullah (Imam Terbaik); Noja Masjid Usamah bin Zaid, Mohd. Noor Biggs Abdullah (Noja Terbaik); Masjid As-Syakirin KLCC (Masjid Terbaik); Madrasah Nahdatul Diniah, Kampung Malaysia Tambahan (Surau Jumaat Terbaik) dan Surau Al-Hijrah, Projek Perumahan Pantai Ria (Surau Biasa Terbaik).

Muhyiddin seterusnya menunaikan solat Zuhur secara berjemaah dengan diimamkan oleh Sheikh Solah.

Tambah beliau, penyaluran dana itu selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan peranan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui UMNO dalam usaha mengembangkan syiar Islam.

"Seperti yang termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, kerajaan boleh menyediakan peruntukan kewangan kepada institusi-institusi agama yang melaksanakan kegiatan dakwah untuk umat Islam," ujarnya.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden UMNO menegaskan, UMNO akan terus komited mempertahankan dan memelihara kesucian Islam walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran.

Beliau turut meminta para pendakwah di negara ini agar tidak leka dalam menghadapi segala cabaran yang melanda umat Islam di negara ini termasuk penyelewengan akidah, kecelaruan pemikiran, gejala perpecahan serta agenda lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Sementara itu, dalam ucapannya, Othman mengumumkan sebanyak 755 imam, bilal ratib, noja ratib dan pendakwah di sekitar Wilayah Persekutuan akan menerima saguhati wang tunai sumbangan kerajaan dengan jumlah keseluruhan RM377,500.

Kata beliau, sumbangan tersebut merupakan pengiktirafan dan tanda penghargaan Jakim, Jawi dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kepada golongan yang banyak berbakti dalam mengimarahkan rumah Allah.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130423/dn_01/Semua-SAR-disuntik-dana---TPM#ixzz2Zu1XQQxg

© Utusan Melayu (M) Bhd